

04/10/2002

PM kecewa tahap disiplin atlit

Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa dengan tahap disiplin rendah di kalangan ahli sukan tempatan sehingga tiga pemain sepak takraw Malaysia disingkir daripada Sukan Asia ke-14 di Busan selepas keputusan ujian air kencing didapati positif mengandungi dadah jenis morfin.

Perdana Menteri berkata, masih ada di kalangan ahli sukan tempatan yang tidak patuh kepada peraturan meskipun kerajaan membelanjakan wang yang banyak untuk memupuk semangat dan cara hidup sihat.

"Mereka kurang disiplin," katanya dalam sidang akhbar selepas menyampaikan uapnama pada Konvensyen Dunia Melayu Islam Ketiga 2002 di Melaka semalam.

Beliau diminta mengulas kejadian tiga pemain negara - Mohd Aznan Raslan (pengumpan), Mohd Firdaus Abdul Ghani (perejam) dan Mohd Haniff Azman (tekong) yang dihantar pulang ke tanah air hari ini gara-gara gagal dalam ujian air kencing.

Ketiadaan tiga pemain ini menjejaskan peluang Malaysia untuk bersaing dengan juara bertahan, Thailand dalam acara berpasukan.

Malah kata Dr Mahathir, pasukan badminton negara sebelum ini turut gagal kerana tidak mempunyai tahap disiplin yang tinggi sehingga mengingkari arahan untuk berlatih.

"Suruh datang berlatih tak datang, masing-masing dah jadi `orang besar'. Kita tak boleh arah mereka ini. Kalau kita nak menang, mesti ada disiplin, sesiapa pun.

"Tengok Korea tak boleh main bola tapi kalau kita tengok disiplin orang Korea, kita tentu tahu dia boleh menang. Suruh berlatih, dia berlatih, suruh duduk satu tempat tak boleh keluar, tak tidur lambat, dia buat.

"Ini orang kita tak ada disiplin, tak ada disiplin tak boleh menang," katanya.